

14/03/2003

3R meriahkan sambutan Hari Wanita Sedunia

Hardi Effendi Yaacob

3R (Respek, Relaks, Respon) bukan sekadar rancangan TV biasa, tetapi sebahagian daripada usaha meningkatkan taraf wanita dan memberikan kesedaran kepada golongan itu menerusi pelbagai cara.

Penerbit Eksekutifnya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata pihaknya terpaksa menggunakan pendekatan seumpama itu kerana rancangan TV dan saluran media lain cukup berpengaruh kepada masyarakat.

"Apabila ada rancangan TV, laman web dan sebagainya, kita boleh mendekati diri dengan masyarakat, selain berkomunikasi secara dwi hala bagi membincangkan masalah kita dan cari penyelesaiannya.

"Ditambah lagi dengan pelbagai acara sampingan seperti Konsert Hari Wanita Sedunia 2003 yang membolehkan kita berinteraksi secara langsung, selain beramah mesra dengan peminat setia 3R di sesebuah tempat.

"Ini memberikan kita peluang menyelami, mendekati dan memahami kehendak penonton setia 3R dalam memperbaiki standard rancangan TV yang semakin popular ini," katanya.

Terdahulu, beliau hadir pada perasmian Konsert Hari Wanita Sedunia 2003 di Tabingan Kuching, Sarawak, Sabtu lalu yang disempurnakan Menteri Pembangunan Wanita Dan Keluarga, Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil. Ia turut dimeriahkan dengan kehadiran pengacara 3R iaitu Low Ngai Yuen, Azah Yasmin Yusoff dan Kartini Kamarul Ariffin.

Di samping itu, beberapa artis seperti Hazami, Deja Moss, VE, Syafinaz, Ellyana dan Tugu Kame juga diundang membuat persembahan.

Mereka menjadikan suasana di Tabingan Kuching bagaikan tapak pesta, lebih-lebih lagi dengan kehadiran lebih 5,000 penonton yang berkumpul di situ sejak awal pagi walaupun acara hanya bermula jam 2 petang.

Marina memaklumkan pihaknya kini sedang sibuk menyiapkan rakaman musim ke-6 dan ke-7 3R yang akan disiarkan mulai 4 Mei ini.

"Di TV3, siarannya berlangsung setiap Ahad, jam 7.30 malam dan Astro Ria, pada setiap Jumaat, bermula jam 8 malam. Kami berbangga kerana 3R mendapat respon positif di kalangan orang ramai, termasuklah anak muda.

"Ini mungkin disebabkan konsepnya... hiburan berinformasi. Sebenarnya, kami tidak terfikir pun 3R boleh popular seperti hari ini, apatah lagi terpilih sebagai Program TV Terbaik (Hiburan & Informasi) dalam Anugerah TV Asean 2002.

"Penerbitannya pun sekadar mahu membantu golongan wanita memperjuangkan hak dan kepentingan mereka, selain menyedarkan masyarakat betapa pentingnya kedudukan wanita dimartabatkan," katanya.

Selain Kotex, Konsert Hari Wanita Antarabangsa 2003 yang julung kali dianjurkan itu turut ditaja AirAsia, Nestle, Maybelline, TV3, Topshop, Harbour View Kuching, Hilton Kuching, Cat's FM dan Demak Motor Corporation.

Ia turut disokong Biro Bantuan Guaman, All Women Action Society (Awam), Women Aid's Organization (WAO), Persatuan Mencegah Aids Sarawak, Unit Perancangan Keluarga Sarawak, Pro-Life Group dan Sisters In Islam.

Difahamkan, Konsert Hari Wanita Antarabangsa 2003 juga sebahagian dari aktiviti promosi Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) sempena Tahun Pelancongan Sarawak 2003.